

# APMM tahan empat nelayan Myanmar

FOTO: IHSAN APMM ZON KEMAMAN

SH 29/12/2019

m/s 35



**Anggota penguat kuasa memeriksa salah seorang nelayan asing yang ditahan di perairan negara.**

**KEMAMAN** - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Zon Maritim Kemaman menahan empat nelayan warga Myanmar kerana menangkap ikan di perairan negara kelmarin.

Pengarah Zon Maritim Kemaman, Komander Maritim Rashidilhadi Abd Rashid berkata, dua bot fiber yang dinaiki nelayan itu dikesan ketika berada di kedudukan dua batu nautika dari Kuala Kemaman.

Menurutnya, pemeriksaan dilakukan selepas mendapati kehadiran dua bot fiber yang tidak mempunyai nombor pendaftaran itu berada dalam keadaan mencurigakan.

"Sejurus menyedari kehadiran kami, mereka cuba melarikan diri tetapi gagal kerana sekitar kawasan sudah dikepung.

"Hasil pemeriksaan lanjut,

mereka hanya memiliki kad UN-HCR (Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Bagi Pelarian) dan gagal mengemukakan lesen serta permit kebenaran menangkap ikan oleh Jabatan Perikanan Malaysia sebelum ditahan," katanya dalam satu kenyataan media dikeluarkan semalam.

Rashidilhadi berkata, pihaknya turut merampas 20 kilogram ikan pelbagai jenis serta peralatan menangkap ikan yang bernilai keseluruhan RM60,000.

Beliau berkata, kes disiasat di bawah Seksyen 8(a) Akta Perikanan 1985 kerana menangkap ikan di perairan Malaysia tanpa lesen yang sah.

"Jika disabitkan kesalahan, mereka boleh didenda sehingga RM6 juta bagi tekong dan RM600,000 untuk awak-awak manakala bot boleh dilucut hak," katanya.